

Terma & Syarat

1. Promosi ini dianjurkan oleh Etika Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai Permanis Sandilands Sdn. Bhd.) (17296-P) (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia kecuali mereka yang termasuk di dalam kumpulan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:
 - a. Rakyat Malaysia yang berumur di bawah 18 tahun (pada 6hb Jun 2016); atau
 - b. Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan), atau
 - c. Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pengiklanan dan/atau penyedia khidmat promosi Penganjur (termasuk syarikat yang bersekutu dan berkaitan dengannya) dan ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, abang, kakak dan adik, termasuk pasangan).
2. Promosi ini akan berlangsung dari 6hb Jun 2016 hingga 24hb Jun 2016 (“Tempoh Promosi”). Penganjur berhak untuk melanjutkan atau menukar Tempoh Promosi pada bila-bila masa tanpa sebarang notis.
3. Semua penyertaan lengkap mesti diterima oleh Penganjur selewat-lewatnya pada atau sebelum 11.59 malam pada 24hb Jun 2016 (“Tarikh Tutup”). Semua penyertaan yang diterima selepas Tarikh Tutup akan dibatalkan.
4. Para peserta boleh menyertai Promosi ini melalui internet dan acara Tropicana sahaja:
 - a. Peserta mesti log masuk ke www.tropicana.com.my:
 - i. Taip mesej Aidilfitri dalam Bahasa Malaysia untuk Penerima (rakan atau ahli keluarga yang akan menerima cenderahati) tidak melebihi 550 karakter (termasuk jarak).
 - ii. Isi semua butiran yang diperlukan.
 - iii. Klik hantar.
 - b. Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat yang ditetapkan akan dibatalkan.
 - c. Mana-mana mesej yang dianggap tidak sesuai, mengikut budi bicara mutlak pihak Penganjur, akan dibatalkan.
 - d. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan dalam penghantaran, kegagalan talian komunikasi, atau sebarang masalah atau kepincangan teknikal sistem komputer dalam talian, server atau pembekal, peralatan komputer, perisian, atau kegagalan pada akaun, masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.
 - e. Tiada bukti pembelian diperlukan untuk menyertai Promosi ini.
5. Cenderahati x 1000:
 - a. Terdapat sejumlah 1,000 cenderahati di dalam Promosi ini.
 - b. Setiap cenderahati terdiri daripada satu (1) botol minuman Tropicana Twister 1.5L dan satu (1) kad ucapan Aidilfitri.
 - c. Permintaan seribu (1,000) peserta yang layak akan diproses.
 - d. Pihak Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga tetapi tidak akan bertanggungjawab sekiranya cenderahati tidak diterima, lewat atau rosak semasa penghantaran.

- e. Pihak Penganjur berhak untuk menolak permintaan peserta sekiranya peserta gagal memenuhi keperluan yang ditetapkan untuk penghantaran cenderahati.
 - f. Bagi cenderahati yang dihantar terus kepada Penerima, bukti penghantaran adalah bukti penerimaan dan penyerahan cenderahati. Cenderahati akan diberikan di dalam Semenanjung Malaysia sahaja.
 - g. Setiap peserta layak untuk meminta satu (1) cenderahati sahaja untuk dihantar kepada seorang Penerima sepanjang Tempoh Promosi.
6. Para peserta akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka dalam Promosi ini, penebusan dan/atau penggunaan cenderahati dan bersetuju untuk melepaskan Penganjur dari sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kerugian ekonomi dan lain-lain.
 7. Semua kos pengangkutan, penginapan, peribadi dan/atau kos-kos lain dan/atau perbelanjaan berkaitan yang disebabkan oleh penyertaan dalam Promosi ini dan untuk menebus cenderahati adalah tanggungjawab penuh para peserta dan Penerima.
 8. Penganjur berhak menggunakan nama dan/atau gambar peserta untuk tujuan pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti, tanpa sebarang notis terdahulu kepada peserta dan peserta tidak layak untuk menuntut pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan atas penggunaan tersebut.
 9. Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan anda. Maklumat ini disimpan oleh Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan anda. Dengan mengemukakan maklumat peribadi anda, kami menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini bagi tujuan pemasaran dan promosi yang terkini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatannya. Sekiranya anda memaklumkan pihak Penganjur melalui talian pelanggannya di 1300 30 1300 bahawa maklumat tersebut tidak patut digunakan sebagai asas untuk hubungan seterusnya, Penganjur akan menghormati permintaan anda. Maklumat anda tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka.
 10. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk mengubah/meminda Syarat dan Peraturan Promosi ini tanpa sebarang notis terlebih terdahulu kepada para peserta.
 11. Dengan menyertai Promosi ini, para peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Syarat dan Terma Promosi dan keputusan Penganjur.
 12. Sekiranya peserta mempunyai sebarang pertanyaan sila hubungi Tel: 1300 30 1300 untuk maklumat lanjut. Talian hanya akan dibuka pada setiap hari Isnin hingga Jumaat pada jam 9.00 pg hingga 6.00 ptg kecuali pada cuti Am.